

BAB PENDAHULUAN

Pendahuluan

Islam telah mengatur umat manusia di dunia ini melalui peraturan-peraturannya, yang terdapat dalam *al-Qur'an* dan *al-Sunnah* agar kehidupan manusia tidak terombang ambing dan supaya mencapai ketenangan serta kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Hal ini adalah merupakan bentuk daripada kasih sayang Allah terhadap umat manusia. Allah mengutus Rasul sebagai pemberi penjelasan dari semua ketentuan-ketentuan yang telah Allah turunkan, serta merupakan *Dustūr Asāsiy* atau *Way of Life* bagi sekalian umat manusia.

Sharī'ah Allah mengatur umat manusia sejak ia dilahirkan ke dunia sampai menemui ajal kembali ke *ḥādīrat* Allah. Dan Allah juga mewajibkan bagi orang-orang yang beriman untuk sentiasa mengikuti petunjuk *al-Qur'an* dan *al-Sunnah* tersebut. Serta jika ada sesuatu permasalahan yang dihadapi oleh manusia maka Allah perintahkan untuk kembali kepada-Nya. Oleh kerana itu jika manusia berpegang teguh kepada petunjuk tersebut maka itulah sebaik-baik jalan dan sebaik-baik akibat yang akan mereka dapatkan sepertimana yang telah Allah janjikan. Firman Allah SWT:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اطِيعُوْا اللّٰهَ وَاَطِيعُوْا الرَّسُوْلَ وَاُوْلٰى الْاَمْرِ مِنْكُمْ فَاِنْ تَنٰزَعْتُمْ فِيْ شَيْءٍ فَرُدُّوْهُ اِلَى اللّٰهِ وَالرَّسُوْلِ اِنْ كُنْتُمْ تُوْمِنُوْنَ بِاللّٰهِ وَالْيَوْمِ الْاٰخِرِ ذٰلِكَ خَيْرٌ وَّاَحْسَنُ
تَّوْبِيْلًا

Al-Nisa 4:59

Terjemahan: Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya), dan ulil amri di antara kamu. kemudian jika kamu berlainan

Pendapat tentang sesuatu, Maka kembalikanlah ia kepada Allah (*al-Quran*) dan Rasul (*sunnahnya*), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya.

Allah SWT. memerintahkan kepada kita untuk sentiasa taat kepada-Nya dan Rasul-Nya serta Ulil amri (Pemimpin) di antara kita. Dengan syarat bahawa pemimpin itu sentiasa taat kepada Allah SWT. dan menjalankan seluruh perintah-Nya. Dan tidak wajib bagi umat untuk mentaati pemimpin jika ianya berbuat maksiat kepada Allah. Dari Ali RA. berkata: Rasul SAW. bersabda:

لَا طَاعَةَ فِي مَعْصِيَةِ اللَّهِ , إِنَّمَا الطَّاعَةُ فِي الْمَعْرُوفِ

Terjemahan: Tidaklah wajib taat dalam hal bermaksiat kepada Allah SWT. Hanya sahaja wajib taat dalam berbuat kebaikan.¹

Maka Imām al-Qurṭubiy menyebutkan dalam tafsirnya: jika berlaku sebarang perbezaan maka merujuklah kepada *al-Qur'an* dan *al-Sunnah (Ḥadīth)*, dan tidak ada yang memahami tata cara untuk merujuk kepada *al-Qur'an* dan *al-Sunnah* kecuali Oleh Ulama. Dan lebih lanjut beliau menyatakan ayat ini juga mengandungi makna sah dan wajib untuk bertanya kepada ulama serta lazim bagi kita untuk mengikuti fatwa mereka.²

Oleh kerana itulah maka tingkah laku kita hendaknyalah selalu beriringan dengan petunjuk yang telah Allah berikan, petunjuk yang telah Rasul sampaikan, dan juga fatwa-fatwa ulama yang berasaskan kepada *al-Qur'an* dan *al-Sunnah* untuk kita aplikasikan dalam segala perkara pada masa kita menjalani kehidupan di dunia ini.

¹ Ḥadīth riwayat al-Bukhāriy, Kitāb al-maghāziy, Bāb ba'th Khālid ilā Baniy Judhaimah sariyyah, no ḥadīth 4340, dan Muslim, Kitāb al-Imarāh, Bāb Wujūb Ṭā'ah al-Umarā'i Fiy Ghayr Ma'siah, no ḥadīth 1840. Lihat Ibnu Ḥajar 'Asqalāniy, *Fath al-Bāriy: bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhariy* (Kaherah, Dār al-Bayān li al-Turāth, 1988), 7:655 dan Imām al-Nawawiy, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, (Beirut, Dār al-Khair, 1996), 12:539.

² Imām al-Qurṭubiy, *al-Jami' li Ahkām al-Qur'an* (Beirut, Lebanon, Mu'assasah al-Risālah, 2006), 6:431.

Definisi Tajuk Dan Rumusan Kajian

Tajuk Kajian ini ialah “**Aplikasi *Manhāj Tarjih Ḥadīth Ahkām* Oleh Muhammadiyah Indonesia**”. Namun dalam hal ini pengkaji terlebih dahulu ingin menghuraikan beberapa istilah yang akan dapati di dalam penyusunan tajuk berkenaan.

Perkataan aplikasi atau “*application*” dihuraikan sebagai “*the act of putting something into use*”³ atau tindakan untuk melaksanakan sesuatu. Kamus Oxford Fajar pula mendefinisikan perkataan “*apply*” sebagai “*to make practical use of something*” bermakna menggunakan sesuatu secara praktikal.⁴

Ibrāhīm Muṣṭafā et.al., di dalam *al-Mu’jam al-Wasīf* mendefinisikan “*manhāj*” sebagai “jalan yang terang”.⁵ Sebagaimana ayat *al-Qur’an*:

لِكُلِّ جَعَلْنَا مِنْكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَا جَا

Al-Mā'idah 5:48

Terjemahan: Untuk tiap-tiap umat diantara kamu⁶, Kami berikan aturan dan jalan yang terang.

Manakala Sudarsono S.H. pula, telah mengertikan “*manhāj*” sebagai “sistem pemikiran” atau “metode pemikiran” atau “cara-cara berfikir yang sistematik”.⁷

³ Longman Dictionary of English Language and Culture; first published; 1992. Lihat juga Nabiroh BT Kassim, “Kisah Nabi Musa dan Firaun di Dalam Al-Qur’an: Aplikasinya di Dalam Pendidikan Islam” (Disertasi Magister Jabatan Al-Qur’an dan Hadith, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006), 7.

⁴ AS hornby, *Advanced Learner’s English-Malay Dictionary*, ed. ke-2, terj. Asmah Hj Omar, (Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd, 2001), entri “*apply*.”

⁵ Ibrāhīm Muṣṭafā et al., *al-Mu’jam al-Wasīf*, (Turki, al-Maktabah al-Islāmiyyah, 1960), 2:957.

⁶ Maksudnya: umat Nabi Muhammad SAW. dan umat-umat yang sebelumnya.

⁷ Rawiyah Bt. Hj. Md Junoh, “*Manhāj Imam al-Ash’ariy Tentang Sifat Allah. SWT; Suatu Kajian Terhadap Kitab al-Ibānah ‘an Uṣūl al-Diyānah*” (Disertasi, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2000), xxiii. Lihat juga Sudarsono S.H, *Kamus Agama Islam*, ed. ke-1 (Jakarta: PT. Rineka Cipta, 1994), 154, entri “*manhaj*”.

Adapun Dr. Ibrāhīm Anīs et.al., mengertikan “*tarjih*” atau “*rajjaha*” bermakna “melebihkan dan menguatkan”.⁸ Manakala Dr. Mustafa Sano mengertikan perkataan “*Tarjih*” dengan dua definisi, iaitu:

- Mendahulukan salah satu daripada dua dalil yang bercanggah, kerana wujud kelebihan pada dalil berkenaan, yang menyebabkan beramal dengannya lebih utama daripada beramal dengan *hadīth* yang lain.
- Menyatakan kekuatan salah satu daripada dua dalil yang bercanggah, bilamana kekuatan itu tidak didapati padanya maka *hadīth* berkenaan tidak akan menjadi *hujjah* yang bercanggah.⁹

Selanjutnya “*hadīth*” ialah “sesuatu yang di-*nisbah*-kan kepada Baginda Nabi SAW. dalam bentuk perkataan, pekerjaan, sifat ataupun perakuan, dan ianya lebih khas daripada *khbar*”.¹⁰ Dr. Quṭub Muṣṭafā Sānū mendefinisikannya dengan “sesuatu yang diucapkan daripada perkataan dan juga berita atau pula “sesuatu yang bersumber daripada Rasulullah SAW. dalam bentuk ucapan sahaja”.¹¹

Perkataan yang selanjutnya ialah “*ahkām*” yang merupakan jamak daripada perkataan “*hukum*” yang bererti “menetapkan sesuatu atas sesuatu atau meniadakannya”. Ulama Usul Fiqh mendefinisikannya dengan “Tuntutan Allah SWT. yang berkaitan dengan perbuatan orang mukallaf, baik berupa tuntutan, pilihan, atau menjadikan sesuatu sebagai sebab, syarat, penghalang, sah, batal, *rukṣah* atau ‘*azimah*’”.¹²

⁸ Dr. Ibrāhīm Anīs et al., *al-Mu’jam al-Wasiṭ*, (Kaherah, t.p., 1972) 1:329, entri “tarjih”.

⁹ Dr. Quṭub Muṣṭafā Sānū, “*Tarjih*”, dalam *Mu’jam Muṣṭalahāt Usul al-Fiqh*, (Beirut, Dār al-Fikri al-Mu’āṣir, 2000), 130.

¹⁰ Al-Ḥāfiẓ ibn Ḥajar al-‘Asqalāniy, *Taysīr Nuhzah al-Nazar fī Muṣṭalah al-Ḥadīth*, (Ṭanṭā, Dār al-Dhiyā’, 2008), 9.

¹¹ Quṭub, “*Ḥadīth*”, dalam *Mu’jam Muṣṭalahāt Uṣūl al-Fiqh*, 171.

¹² Abdul Azis Dahlan, “*ahkam*”, dalam *Ensiklopedi Hukum Islam*, ed. (Jakarta, PT Ihtiar Baru Van Hoeve, 2006), 2:571.

Erti Bahasa “Muhammadiyah” berasal dari kata Arab “Muhammad” iaitu Nabi dan Rasul Allah yang terakhir. Kemudian mendapatkan “*ya’ nisbiyah*” yang ertinya menjeniskan. Jadi Muhammadiyah bererti umat “Muhammad SAW” atau “pengikut Muhammad SAW”, iaitu semua umat Islam yang mengakui dan meyakini bahawa Nabi Muhammad SAW, adalah hamba dan pesuruh Allah yang terakhir. Erti Istilah Muhammadiyah ialah gerakan Islam, dakwah amar makruf nahi munkar, berasas Islam dan bersumber pada *al-Qur’an* dan *al-Sunnah*, diasaskan oleh KH. Ahmad Dahlan pada 8 Zulhijjah 1330H, bertepatan dengan 18 November 1912M, di kota Yogyakarta.¹³

“Muhammadiyah” iaitu salah satu pertubuhan Islam yang terbesar di Indonesia. Muhammadiyah merupakan pertubuhan yang telah menjalankan idea pembaharuan pemikiran Islam di Indonesia dan bergerak di pelbagai bidang kehidupan umat Islam. Tujuan utama pertubuhan ini adalah untuk mengajak umat Islam Indonesia kepada Tauhid dan cara beribadah yang bersesuaian dengan ajaran *al-Qur’an* dan *al-Sunnah*. Ianya juga bertujuan untuk memperbaiki sistem pendidikan umat Islam Indonesia, dengan cara menolong golongan miskin dan lemah di samping membekalkan ilmu pengetahuan agama Islam. Selain itu Muhammadiyah juga berperan membersihkan segala unsur *khurafāt* dan *bid’ah* dalam urusan yang berkaitan dengan agama Islam.¹⁴

¹³ Drs. H. Mustafa Kamal Pasha, B.Ed, Ahmad Adaby Darban, SU, *Muhammadiyah Sebagai Gerakan Islam Dalam Perspektif Historis Dan Ideologis*, (Yogyakarta, Pustaka Pelajar Offset, 2000), 70.

¹⁴ Muzlifah, “Perserikatan Muhammadiyah: Sumbangannya di Banda Aceh Indonesia” (Disertasi, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006), 39. Lihat juga A. Syafi’i Ma’arif (1987), *Islam Dan Masalah Kenegaraan*, (Jakarta, Lembaga Penelitian Pendidikan, Penerangan, Ekonomi Dan Social (LP3ES), 1987), 66.

Terakhir adalah “Indonesia” yang merupakan Negara kepulauan yang majoriti penduduknya adalah muslim. Ia terletak di Asia Tenggara iaitu di antara benua Asia dan benua Australia.¹⁵

Rumusan daripada definisi kajian ini ialah akan memperbahaskan tentang aplikasi kaedah *tarjih ḥadīth aḥkām* dalam pertubuhan Muhammadiyah. Muhammadiyah dalam hal ini juga telah melahirkan beberapa kaedah yang berkaitan dengan masalah pen-*tarjih*-an, namun ianya sangat ringkas. Walaupun demikian kaedah berkenaan akan menjadi sebuah panduan awal bagi Muhammadiyah dalam menyelesaikan masalah hukum.

Kaedah Muhammadiyah tersebut akan pengkaji bandingkan dengan kaedah ulama silam yang majoriti daripada mereka merujuk kepada ketentuan Usul fiqh. Setelah perbandingan dibuat, maka akan dilanjutkan kajian dalam bidang aplikasi daripada semua kaedah terbabit ke atas beberapa putusan atau fatwa hukum yang pernah diputuskan oleh Muhammadiyah. Pada akhir perbincangan ini pengkaji akan membuat analisis terhadap beberapa fatwa Muhammadiyah yang nampaknya didapati percanggahan disebabkan oleh kurangnya aplikasi kaedah *tarjih* yang sedia ada. Pengkaji akan membuat analisis tersebut hanya melihat kesesuaiannya dengan kaedah *tarjih*. Ianya pula hanya akan terhad pada perbahasan *ḥadīth aḥkām*.

Kajian ini dijalankan mengingat bahawa Muhammadiyah merupakan pertubuhan terbesar di Indonesia yang telah mengeluarkan pelbagai fatwa dan putusan hukum yang kadang kala telah banyak diamalkan oleh masyarakat. Maka untuk mengenalpasti kesesuaian fatwa mereka dengan Usul fiqh dan paduan-panduan ulama silam, pengkaji merasa terpenggil untuk membuat kajian lanjutan dalam perkara dimaksud.

¹⁵ *Ibid.*, 25. Lihat juga Abdul Azis Dahlan, “Indonesia”, *Ensiklopedi Hukum Islam*, ed. (Jakarta, PT Ichtiar Baru Van Hoeve, 1996) 3:71.

Latar Belakang Kajian

Dalam masa baru-baru ini kepelbagaian pertubuhan dan pemahaman mula banyak wujud dengan di kalangan masyarakat Indonesia. Hal ini sangat mempengaruhi pemikiran masyarakat. Lebih lagi pada masa yang sama kurangnya minat untuk mengkaji lebih mendalam terhadap *sharī'ah* serta *ḥadīth-ḥadīth aḥkām* yang menjadi dalil bagi amalan ibadah yang dilakukan. Mereka mengekalkan diri dalam ber-*taqlīd* dan ber-*ta'aṣṣub* kepada sebarang kebiasaan. Ada yang ber-*ta'aṣṣub* terhadap mana-mana kumpulan atau pertubuhan, mengikuti kebersesuaian dengan keyakinan mereka dan bilamana satu-satu pertubuhan membuat pernyataan atau berfatwa maka merekapun menerimanya secara mutlak.

Di Indonesia pada khas, antaranya didapati dua pertubuhan besar yang memainkan peranan penting dalam pemikiran Islam. Ianya ialah Muhammadiyah dan Nahdhatul Ulama (NU). Kedua-dua pertubuhan ini memiliki aktiviti yang luas sehingga mencakup pelbagai aspek sepertimana: aspek agama, aspek pendidikan, aspek kesihatan dan aspek sosial. Pertubuhan ini memiliki kapasiti yang besar pula dalam membina khazanah keilmuan Islam. Muhammadiyah yang ditubuhkan oleh KH. Ahmad Dahlan pada 8 Zulhijjah 1330H (18 November 1912M) di Yogyakarta.¹⁶ Dan Nahdhatul Ulama yang ditubuhkan oleh KH. Hasyim Asy'ari pada 16 Rajab 1344H (31 Januari 1926M).¹⁷ Kedua pertubuhan ini juga memiliki *manhāj* dan metodologi tersendiri dalam menjalankan aktiviti. Walaupun matlamat asas keduanya ialah bagi menyebarkan dakwah Islam dan menjaga kemurnian Islam, tetapi mereka punya *manhāj* yang berbeza.

¹⁶ Muzlifah, "Perserikatan Muhammadiyah: Sumbangannya di Banda Aceh Indonesia." (Disertasi, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006), 39. Lihat juga M. Yusron Asrofie, *Kyai Haji Ahmad Dahlan: Pemikiran dan Kepemimpinannya* (Yogyakarta Offset: Tiara Wacana, 1985), 21.

¹⁷ Pengurus Besar Nahdhatul Ulama, "Sejarah," laman sesawang *Nahdhatul Ulama*, dicapai 12 Mac 2012, <http://www.nu.or.id/page/id/static/9/Sejarah.html>.

Perbezaan pemahaman masyarakat terhadap pemikiran Islam sangat bergantung kepada *manhāj* yang dinyatakan oleh masing-masing pertubuhan ataupun para pakar yang ada di dalam pertubuhan berkenaan. Muhammadiyah lebih dikenal sebagai pergerakan pembaharuan (*tajdīd*) dan pemurnian (*tasfiyah*) ajaran Islam. Maka banyak hal yang boleh didapati daripada fatwa-fatwa Muhammadiyah, yang nampaknya masih perlu kepada kajian ulang. Seumpama dalam masalah *ṣalāt al-tarāwīḥ* empat raka'at satu kali salam dan contoh-contoh lain yang akan pengkaji sebutkan di hadapan.

Jika dikaji lebih lanjut nampak bahawa, di satu sisi Muhammadiyah ingin untuk mengembalikan ajaran Islam kepada pedoman asal, iaitu *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*. Tetapi di sisi lain Muhammadiyah terkesan kurang mengaplikasikan kaedah-kaedah yang sedia ada dalam memahami dalil-dalil *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*. Sehingga fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Muhammadiyah berbeza dengan amalan masyarakat dan berbeza pula dengan pemahaman ulama-ulama silam.

Impak dari perbezaan ini telah mewujudkan pelbagai pandangan dan penerimaan yang berbeza di kalangan masyarakat. Sehingga didapati ada golongan tertentu yang mendakwa dirinya sebagai pengikut satu-satu kumpulan atau pertubuhan. Ada pula yang menolak langsung semua kumpulan disebabkan oleh *ta'aṣṣub*.

Oleh kerana hal yang demikian, maka mengenali *manhāj* terhadap sesuatu ilmu merupakan keperluan yang utama untuk lebih mendalami ilmu berkenaan. Kerana *manhāj* itu merupakan suatu metodologi atau *ṭarīqah* yang digunapakaikan oleh seseorang untuk memudahkan bagi mencapai sesuatu kefahaman dan tujuan yang sah. Walaupun tidak semua *manhāj* yang didapati bersesuaian dengan petunjuk *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*. Kerana *manhāj* itu juga dilahirkan dari sebuah *ijtihād*.

Atas dasar itu pengkaji hendak mengkaji lebih lanjut, bagaimanakah bentuk *manhāj* yang digunapakaikan oleh Muhammadiyah dalam menjawab persoalan hukum dan sejauh manakah pengambilan *ḥadīth-ḥadīth aḥkām* sebagai dalil yang selama ini didapati dalam fatwa Muhammadiyah. Apakah ianya bersesuaian dengan ketentuan pengambilan dan pemahaman *ḥadīth*. Atau jika berlaku *tā'arud* antara *ḥadīth-ḥadīth* berkenaan, apakah ianya diselesaikan bersesuaian dengan konsep pen-*tarjih*-an *ḥadīth*. Ataukah bersesuaian dengan Ilmu Usul Fiqh yang sejak dahulu sudah menjadi metodologi bagi ulama-ulama silam dalam men-*tarjih*-kan atau melakukan *ijtihād* terhadap sebarang hukum. Ataukah secara konseptual Muhammadiyah memiliki *manhāj* dan metodologi yang sempurna tetapi dalam pen-*tarjih*-an belum diaplikasikan seluruhnya.

Permasalahan Kajian

Kurangnya aplikasi *manhāj tarjih* ulama-ulama silam seperti metodologi Usul Fiqh dan Ilmu Hadith di kalangan Majelis Tarjih Muhammadiyah inilah yang menjadi punca daripada timbulnya permasalahan kepada fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Majelis Tarjih Muhammadiyah di Indonesia. Sepertimana putusan yang pernah dikeluarkan oleh Muhammadiyah tentang pelaksanaan *ṣalāt al-tarāwīḥ* empat raka'at dengan cara sekali salam, penentuan 1 Ramaḍān (pen-*tarjih*-an antara *hisāb* dan *ru'yah*), penentuan 1 Shawāl (pen-*tarjih*-an antara *hisāb* dan *ru'yah*) dan lain sebagainya.

Untuk lebih detailnya, pengkaji mencuba menjelaskan salah satu contoh daripada fatwa yang pernah dikeluarkan oleh Muhammadiyah dalam hal *ṣalāt al-tarāwīḥ* dua-dua raka'at atau empat-empat raka'at. Dalam muktamar diputuskan tentang *ṣalāt al-lail* berdasarkan dalil-dalil yang lebih luas. *Ṣalāt al-lail* dapat dilakukan empat raka'at-empat

raka'at lalu tiga raka'at dapat juga dilakukan dua raka'at-dua raka'at kemudian tiga raka'at yang semuanya berjumlah 11 raka'at.¹⁸ Adapun dalil yang dijadikan dasar hukum dalam perkara ini ialah:

Dari Aishah RA. ketika ditanya tentang salat Rasul SAW. beliau menjawab:

مَا كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَزِيدُ فِي رَمَضَانَ وَلَا فِي غَيْرِهِ عَلَى إِحْدَى عَشْرَةَ رَكْعَةً يُصَلِّي أَرْبَعًا فَلَا تَسْأَلُ عَنْ حُسْنِيَّتِهَا وَطُوبَاهِنَّ ثُمَّ يُصَلِّي أَرْبَعًا فَلَا تَسْأَلُ عَنْ حُسْنِيَّتِهَا وَطُوبَاهِنَّ ثُمَّ يُصَلِّي ثَلَاثًا

Terjemahan: Rasulullah SAW. tidak pernah melebihi salat daripada sebelas raka'at, samaada dalam Ramadan ataupun di luar Ramadan. Beliau salat empat raka'at, maka jangan kamu tanyakan tentang bagusnya dan panjangnya, kemudian Beliau salat empat raka'at, maka jangan kamu tanyakan tentang bagusnya dan panjangnya, kemudian Beliau salat tiga raka'at.¹⁹

Dari Ibnu Umar RA. berkata:

قَامَ رَجُلٌ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ كَيْفَ صَلَاةُ اللَّيْلِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَاةُ اللَّيْلِ مَثَى مَثَى فَإِنْ خِفْتَ الصُّبْحَ فَأَوْزِرْ بِوَاحِدَةٍ

Terjemahan: Seorang laki-laki berdiri, maka ia bertanya wahai Rasulullah SAW. bagaimana bagaimana salat malam? Rasulullah SAW. menjawab salat malam itu dua-dua, maka jika kamu khawatir akan masuk waktu subuh witr-lah satu raka'at.²⁰

¹⁸ Tim Majelis Tarjih dan Tajdid PP. Muhammadiyah, *Fatwa-fatwa Tarjih: Tanya Jawab Agama*, (Yogyakarta, Indonesia, Surya Sarana Grafika, 2011), 4:157.

¹⁹ Ḥadīth riwayat al-Bukhariy, Kitāb Ṣalāt al-Tarāwīḥ, Bāb Faḍl man Qāma Ramadān, no Ḥadīth 2013; Muslim, Kitāb Ṣalāt al-Musāfirīn wa Qaṣrihā, Bāb Ṣalāt al-Lail wa 'Adad Raka'āt al-Nabiyy saw. fiy al-Lail, no Ḥadīth 738; Abū Dāwud, Kitāb al-Ṣalāh, Bāb fiy Ṣalāt al-Lail, no 1341. Lihat Ibnu Ḥajar al-'Asqalāniy, *Fath al-Bāriy Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy* (Beirut, Lubnan, Dār al-Kutub Al-'Ilmiyyah, 1997), 4:315; Al-Qāḍiy 'Iyāḍ, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim li al-qāḍiy 'Iyāḍ al-Musammā Ikmāl al-Mu'lim bi Fawā'id Muslim*, (Beirut, Lubnān, Dār al-Wafā', 2004), 3:86 dan Dr. 'Abd al-Qādir 'Abd al-Khair, Dr. sayyid Muhammad Sayyid, Prof. Sayyid Ibrāhīm (Tim *Sharḥ dan Taḥqīq*), *Sunan Abiy Dāwud*, (Kaherah, Dār al-Ḥadīth, 1999), 2:582.

²⁰ Ḥadīth riwayat al-Bukhariy, Kitāb al-Witr, Bāb mā Jāa fiy al-Witr, no Ḥadīth 990; Muslim Kitāb Ṣalāt al-Musāfirīn wa Qaṣrihā, Bāb Ṣalāt al-Lail Mathnā Mathnā, no Ḥadīth 749; Abū Dāwud Kitāb al-Ṣalāh, Bāb Ṣalāt al-Lail Mathnā Mathnā, no Ḥadīth 1326. Lihat Ibn Ḥajar Al-'Asqalāniy, *Fath al-Bāriy*, 2:606. Al-Qāḍiy 'Iyāḍ, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, 3:101. Dr. 'Abd al-Qādir, Dr. sayyid Muhammad dan Prof. Sayyid Ibrāhīm, *Sunan Abiy Dāwud*, 2:576.

Kedua *ḥadīth* ini juga menjadi dalil bagi pelaksanaan salat tarawih sebagaimana yang dinyatakan di dalam *Himpunan Putusan Tarjih*.²¹ Dan hendaklah engkau membiasakan salat malam (*ṣalāt al-lail*)²² sesudah salat isya' sehingga menjelang terbit fajar, samaada di dalam ataupun di luar Ramaḍan. Engkau kerjakan sebelas raka'at, dua raka'at-dua raka'at atau empat raka'at-empat raka'at, dengan membaca surat *al-fātiḥah* dan surat dari *al-qur'an* pada setiap raka'at. Kemudian engkau akhiri tiga raka'at dengan membaca surat *al-a'lā* sesudah surat *al-fātiḥah* pada raka'at pertama, surat *al-kāfirūn* pada raka'at kedua dan surat *al-ikhlās* pada raka'at ketiga.²³

Manakala Dr. **Ṣāliḥ** Fauzān menyebutkan bahawa *ṣalāt al-tarāwīḥ* adalah salah satu ibadat yang diperintahkan oleh Nabi Muhammad SAW. dan hukumnya sunat muakkad. Dinamakan *tarāwīḥ* kerana sahabat berehat seketika bilamana selepas empat raka'at salat dengan cara dua kali salam. Kerana sesungguhnya *ṣalāt al-tarāwīḥ* itu dilakukan dua-dua raka'at sepertimana *ṣalat tahajjud*. Dan kesalahan yang berlaku sekarang pada imam-imam masjid, iaitu mereka tidak melakukan salam pada tiap-tiap dua raka'at. Dan ini merupakan hal yang bercanggah dengan Sunnah.²⁴

Dan juga *ḥadīth* yang menyatakan dua-dua raka'at itu merupakan tata cara *ṣalāt al-lail*. Ertinya *ṣalat-lah kamu dua-dua raka'at*. Pengulangan kata *mathnā-mathnā* merupakan penguatan (*tawkiḍ*) yang bermaksud bagi seseorang yang salat mestilah salat dengan cara yang demikian. Kerana *ḥadīth* berkenaan merupakan *khbar* yang bermakna *amar* yang

²¹ PP. Muhammadiyah (Majlis Tarjih), *Himpunan Putusan Tarjih*, (Yogyakarta, Indonesia, Suara Muhammadiyah, 2011), 352.

²² Disebut juga: Tahajjud, Witir, Qiyām al-lail, Qiyām Ramaḍan.

²³ PP. Muhammadiyah (Majlis Tarjih), *Himpunan Putusan Tarjih*, 345.

²⁴ Dr. **Ṣāliḥ** Fauzān bin “Abd Allah Fauzān, *al-Mulakhkhaṣ al-Fiqhī*, (Riyaz, Kingdom Of Saudi Arabia, Idārat al-Buhūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā’, 1423 H)1:167.

menghendaki bahawa setiap dua raka'at merupakan satu salat, dan tidak dianggap salat jika tidak dipisahkan dengan salam pada tiap-tiap dua raka'at.²⁵

Sedangkan menurut Ḥamād bin Nāṣir,²⁶ *ḥadīth* yang disampaikan oleh Aishah RA. bermakna jumlah raka'at *ṣalāt al-lail* yang dilakukan oleh Rasul SAW. ialah sebelas raka'at. Dan beliau menyampaikannya dengan *uṣlūb al-nafyi*. Kemudian mensifatkannya untuk mudah difahami oleh orang-orang yang ingin mengikuti dengan kata (Rasul SAW. ṣalat empat raka'at maka jangan engkau tanyakan tentang bagusnya dan panjangnya bacaan). Dan ini adalah merupakan (*an-nahyu li al-ta'ḍīm wa al-tafkhīm*²⁷).

Kemudian kalau dikaji lebih mendalam permasalahan ini, maka akan didapati bahawa *manhāj tarjīh* ulama-ulama silam merupakan panduan dalam melakukan pen-*tarjīh*-an yang juga merupakan sebuah *ijtihād*, walaupun ianya tidak bersifat mutlak tetapi dalam melakukan suatu pen-*tarjīh*-an hendaknyalah merujuk kepada metodologi tersebut. Dalam hal ini Muhammadiyah nampak tidak menyelesaikan *ta'arūḍ al-aḥādīth* di atas dengan kaedah *tarjīh* berkenaan. Melainkan Muhammadiyah hanya melihat kepada ke-*ṣaḥīḥ*-an *ḥadīth*. Selama *ḥadīth* berkenaan *ṣaḥīḥ*, maka boleh diamalkan, walaupun makna yang dipahami daripada kedua-dua *ḥadīth* tersebut berbeza. Dan ini ialah suatu bentuk kurangnya aplikasi kaedah *tarjīh* oleh Muhammadiyah.

Disebabkan oleh hal-hal yang demikianlah sehingga masyarakat awam menjadi samar-samar dalam memahami masalah hukum. Manakah yang lebih patut untuk diamalkan menurut dalil-dalil yang sahih dan pemahaman yang sah pula. Terkadang masyarakat ingin untuk melakukan amalan sesuai dengan panduan *al-Qur'an* dan *al-*

²⁵ Prof. Dr. Ḥamād bin nāṣir bin 'Abd al-Raḥman al-'Ammār, *Kunūz Riyāḍ al-Ṣalihīn*, (Kingdom Of Saudi Arabia, Dār Kunūz Ishbiliya, 2009), 14:325.

²⁶ *Ibid.*, 14:348.

²⁷ Larangan untuk bertanya itu mengertikan keagungan amal ibadat yang dilakukan oleh Baginda Rasul SAW. maka hendaknyalah sahabat tidak bertanya lagi tentang itu. Sebab sesuatu yang dilakukan oleh Baginda Rasul SAW. itu adalah merupakan bimbingan dari pada wahyu Allah SWT.

Sunnah, namun disebalik daripada itu ada sedikit kekhawatiran yang timbul disebabkan perkara ini nampak bercanggah dengan pemahaman yang sedia ada.

Masalah pen-*tarjih*-an hukum dan juga fatwa baru dikalangan umat Islam bukanlah hal yang asing. Banyak lembaga-lembaga *ijtihad* terdapat di negara-negara Islam, samada ianya di Timur tengah atau juga di Asia tenggara. Di Mesir misalkan, ada *Dār al-Iftā'*, *Majma' al-Buḥūth al-Islāmiy*. Di Indonesia ada pertubuhan-pertubuhan keislaman yang juga cuba untuk menyelesaikan permasalahan-permasalahan yang timbul dikalangan umat Islam semisal Pertubuhan Muhammadiyah, Nahdhatul Ulama, Al-Washliyah dan juga institusi pemerintah seperti Majelis Ulama Indonesia, di dalamnya juga ada divisi yang disebut *lajnah fatwā*.

Ini semua menjadi bukti bahawa keadaan umat sentiasa berubah mengikuti perubahan masa dan tempat. Diiringi pula oleh kemajuan zaman dan teknologi yang menggesa para pemikir Islam untuk melakukan *ijtihad* dalam menyelesaikan hal-hal yang baru berkembang seperti *interest bank*, *insurance*, rancang keluarga dan pendermaan organ sebagai hasil dari pada kemajuan.

Oleh itu Muhammadiyah sebagai salah satu pertubuhan yang bergerak di bidang agama maka dalam memutuskan sesuatu fatwa atau melakukan sesuatu pen-*tarjih*-an dikehendaki untuk mengikuti panduan-panduan yang sediaada dan juga mengaplikasikan sepenuhnya dalam semua hal. Sebagaimana juga lembaga-lembaga fatwa atau *ijtihad* di Negara Islam lainnya.

Kalaulah Muhammadiyah di Indonesia lebih condong kepada *manhāj salafiy*, maka apakah semua yang menjadi *manhāj salafiy* juga menjadi *manhāj* di Muhammadiyah dan sekaligus sudah diaplikasikan dalam penentuan fatwa atau putusan *tarjih*. Dan bagaimana

pula dengan *manhāj* ulama-ulama silam apakah juga diambilkira oleh Muhammadiyah serta diterapkan dalam penentuan fatwa atau putusan *tarjih*. Kalau tidak, apa sebab mereka terkadang tidak mengaplikasikan metodologi yang digunapakaikan oleh *salafiy* atau oleh ulama-ulama silam.

Oleh kerana demikian ada beberapa masalah pokok yang menjadi topik utama yang akan dibahas dalam kajian ini:

1. Bagaimanakah sejarah perkembangan (*Tajdīd*) Muhammadiyah di Indonesia?
2. Bagaimanakah *Manhāj Tarjih Ḥadīth Ahkām* yang digunapakaikan oleh Imam-imam mazhab dan Ulama silam terhadap dalil hukum *shari'ah*?
3. Apakah *Manhāj Tarjih Ḥadīth Ahkām* yang digunapakaikan oleh Muhammadiyah dalam mengeluarkan sesuatu fatwa?

Objektif Kajian

Berdasarkan kepada permasalahan kajian di atas, maka kajian ini mempunyai objektif yang hendak dicapai agar berjalan bersesuaian dengan matlamat yang semestinya. Kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui lebih lanjut tentang sumbangan yang telah diberikan oleh Muhammadiyah di Indonesia khasnya dalam khazanah fiqh. Pengkaji dalam hal ini lebih memfokuskan tentang *Manhāj tarjih* yang menjadi panduan bagi Muhammadiyah dan aplikasinya dalam mengeluarkan fatwa serta putusan *tarjih* kerana memandang bahawa *tarjih* ini adalah suatu hal penting bagi seseorang mujtahid dalam mengeluarkan fatwa. Samaada ianya *mujtahid muṭlaq* atau *mujtahid tarjihiy*. Dan juga merupakan hal yang penting pula bagi orang awam agar dapat mengikuti serta mengamalkan hukum yang

bersesuaian dengan tujuan *sharī'ah*. Kajian ini pula telah menetapkan beberapa objektif yang ingin dicapai, iaitu:

1. Menghuraikan sejarah perkembangan (*Tajdīd*) Muhammadiyah di Indonesia.
2. Menghuraikan *Manhāj Tarjīh Ḥadīth Ahkām* yang digunapakaikan oleh Imam-imam mazhab dan Ulama silam terhadap dalil hukum *sharī'ah*.
3. Menganalisis *Manhāj Tarjīh Ḥadīth Ahkām* yang digunapakaikan oleh Muhammadiyah dalam mengeluarkan sesuatu fatwa.

Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk dikaji bagi mengetahui lebih mendalam tentang *manhāj tarjīh* yang menjadi panduan bagi ulama-ulama silam dalam menyelesaikan masalah-masalah hukum. Dan kajian ini penting pula untuk mengenalpasti *manhāj tarjīh* yang digunakan oleh Muhammadiyah dalam mengeluarkan fatwa-fatwa. Setelah *manhāj* keduanya dikenalpasti maka pengkaji akan membuat perbandingan dengan cara menganalisis data-data yang ada. Sehingga menghasilkan suatu dapatan yang akan menjawab permasalahan-permasalahan yang ada dalam kajian ini.

Kajian ini juga diharapkan menjadi suatu masukan baru yang bermanfaat bagi ahli *majlis tarjīh* ataupun ahli pertubuhan Muhammadiyah bagi mengenalpasti *manhāj tarjīh* yang sebenar yang pernah menjadi asas kepada ulama-ulama silam dalam menyelesaikan masalah hukum. Dan dihendaki pula kepada pertubuhan Muhammadiyah supaya memberikan penjelasan yang lebih detail kepada masyarakat awam agar mereka mengetahui hukum yang sebenar dalam melakukan sesuatu amal ibadah.

Dan dengan wujudnya kajian ini pula, diharapkan dapat memberikan suatu penjelasan bagi masyarakat Indonesia tentang *manhāj tarjih* yang sekarang digunapakaikan dan diterapkan oleh Muhammadiyah Indonesia. Dan sejauh manakah Muhammadiyah mengamalkan kaedah *tarjih* dalam menyelesaikan fatwa-fatwa hukum.

Selanjutnya, kajian ini diharapkan dapat menambah khazanah keilmuan Islam tentang metodologi atau *manhāj* dalam men-*tarjih*-kan sesuatu dalil atau menentukan sesuatu hukum. Dan mudah-mudahan kajian ini juga menjadi suatu bahan rujukan serta sumbangan ilmu pengetahuan yang bermanfaat bagi pengkaji berikutnya.

Skop Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji memberikan had kajian yang hanya terfokus pada beberapa hal sahaja. Agar ianya tidak terkeluar daripada tajuk dan pembahasan yang ingin dikaji. Skop kajian ini akan membahas secara lebih fokus terhadap permasalahan kajian, walaupun didapati ada perbahasan luaran tetapi ianya masih mempunyai hubungkait dengan pembahasan yang akan dikaji. Antara had berkenaan ialah:

1. Kajian ini akan mengenalpasti *manhāj tarjih ḥadīth* ulama silam yang akan pengkaji sebut pada bab dua. Dan juga *manhāj tarjih* Muhammadiyah yang akan pengkaji jelaskan pada bab tiga.
2. Skop berikutnya ialah aplikasi *manhāj tarjih ḥadīth aḥkām*. Dalam masalah ini pengkaji akan memfokuskan hanya berkaitan dengan aplikasi *manhāj tarjih ḥadīth aḥkām* pada 6 (enam) contoh fatwa Muhammadiyah, iaitu; penentuan awal Ramadan, salat tarawih, *interest bank*, *insurance*, rancang keluarga dan derma organ. Fokus kajian kepada 6 (enam) perkara berkenaan ialah disebabkan

padanya didapati percanggahan dengan amalan yang sediaada dalam masyarakat dan juga nampak bercanggah dengan kaedah pen-*tarjih*-an yang telah ditetapkan oleh ulama-ulama silam.

3. Manakala skop yang berikutnya ialah mengumpulkan keseluruhan data-data, menganalisisnya pada setiap fatwa yang pengkaji sebut pada bab empat, supaya dapat difahami dengan jelas bagaimana sebenarnya kaedah Muhammadiyah dalam men-*tarjih*-kan *hadīth*. Dan pada perbincangan ini, pengkaji hanya akan memfokuskan kajian dengan mengikut kaedah *tarjih* terhadap *hadīth-hadīth aḥkām* sahaja. Kajian ini tidak akan melihat kepada kaedah-kaedah lain secara umum, kerana tajuk kajian ini ialah aplikasi *manhāj tarjih hadīth aḥkām* oleh Muhammadiyah Indonesia.

Kajian Literature

Kajian yang membincangkan tentang *Manhāj Tarjih* telahpun banyak dijumpai, samaada ianya dalam bentuk kitab-kitab, buku-buku, artikel jurnal, dan lainnya. Demikian pula tentang Muhammadiyah sebagai sebuah pertubuhan keagamaan sudahpun banyak dikaji oleh para pengkaji-pengkaji terdahulu. Akan tetapi sudut perbezaan yang akan pengkaji sentuh dalam kajian ini ialah tentang *manhāj tarjih hadīth aḥkām* dan aplikasinya dalam menghasilkan fatwa di kalangan Muhammadiyah. Berikut ini beberapa literature yang berkaitan dengan kajian tersebut:

‘Abd al-laṭīf ‘Abd Allah ‘Azīz al-Barzanjiy²⁸ menyebutkan di dalam kitabnya “*al-Ta’arūḍ wa al-Tarjīḥ Baina al-Adillah al-Shar’iyah: Baḥṡh Uṣūliy al-Muqāran bi al-Mazāhib al-Islāmiyah al-Mukhtalafah*” cara men-*tarjīḥ*-kan *ḥadīth* bilamana ianya bercanggah sesamanya:

1. Pen-*tarjīḥ*-an dari sudut perawi.
2. Pen-*tarjīḥ*-an dari sudut *matan ḥadīth*.
3. Pen-*tarjīḥ*-an dari salah satu yang bercanggah dengan hukum yang sudah *establish*.
4. Pen-*tarjīḥ*-an disebabkan lain-lain faktor.

DR. Nafīz Ḥusain Ḥammād²⁹ di dalam kitabnya “*Mukhtalaf al-Ḥadīth Baina al-Fuqahā’ wa al-Muḥaddithīn*” juga menyebutkan cara-cara yang sama dengan metode Pen-*tarjīḥ*-an *ta’arūḍ ḥadīth*, yang telah disebutkan oleh ‘Abd al-laṭīf ‘Abd Allah ‘Azīz al-Barzanjiy.

Kedua ulama ini menjelaskan tentang cara-cara bagi men-*tarjīḥ*-kan *ḥadīth*, bilamana ber-*ta’arūḍ* dengan *ḥadīth* lain dalam pamahaman ataupun men-*tarjīḥ*-kan dari sudut periwayatan dan *matan*-nya. Para ulama ini menjelaskan hanya dari sudut pandang metodologi, tetapi tidak ada hubungkait dengan mana-mana pertubuhan atau *lajnah* yang mengeluarkan fatwa. Manakala kajian yang akan pengkaji buat ianya melibatkan pertubuhan Muhammadiyah dan aplikasi kaedah *tarjīḥ* berkenaan dalam putusan fatwa.

²⁸ ‘Abd al-laṭīf ‘Abd Allah ‘Azīz al-Barzanjiy, *al-Ta’arūḍ wa al-Tarjīḥ Baina al-Adillah al-Shar’iyah: Baḥṡh Uṣūlyi al-Muqāran bi al-Mazāhib al-Islāmiyah al-Mukhtalafah* (Beirut, Lubnan, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1993), 2:151.

²⁹ DR. Nafīz Ḥusain Ḥammād, *Mukhtalaf al-Ḥadīth Baina al-Fuqahā’ wa al-Muḥaddithīn* (Damsyiq, Syiria, Dār al-Nawādir, 2009), 292.

Dr. Husain bin ‘Aliy al-Ḥarbiy³⁰ menyebutkan di dalam kitab *Mukhtaṣar Qawā’id al-Tarjīḥ ‘Inda al-Mufasssīrīn*, dalam perbahasan mengenai Kaedah *tarjīḥ* yang berhubungkait dengan *Sunnah al-Nabawiyah*, sepertimana:

1. Apabila didapati *ḥadīth ṣaḥīḥ* dan *ḥadīth ḥasan*, itu sudah merupakan suatu kesepakatan (*ittifāq*), iaitu: jika darajat *ḥadīth* yang digunapakaikan untuk menafsirkan satu-satu ayat itu mencapai tingkat *ṣaḥīḥ* dan *ḥasan* maka itu sudah dianggap *mu’tamad* oleh seluruh ulama.
2. Jika didapati percanggahan antara para penafsir *al-Qur’an* dan wujud banyaknya pendapat antara mereka, maka pendapat yang lebih berhak untuk didahulukan adalah pendapat yang dikuatkan oleh *ḥadīth* Nabi SAW.³¹
3. Semua pendapat yang ditolak adalah bertanda pada percanggahannya dengan *al-Qur’an*, *al-Sunnah*, *Ijmā’*. Serta had kebenaran juga bergantung kepada kekuatan dan kelemahan sesebuah dalil mengikut kaedah *tarjīḥ* yang lain.³²

Dalam kajian ini nampak Dr. Husain banyak menyentuh tentang *ḥadīth*, samaada ketika ianya ber-*ta’arūḍ* ataupun tinjauan dari sudut *sanad* dan *matan*-nya. Namun ada pula perbazaan dengan kajian ini, iaitu: aplikasi dalam perbincangan kes-kes semasa belum disebut secara nyata. Manakala yang pengkaji pandang perlu untuk kajian lanjutan ialah aplikasi daripada kaedah-kaedah berkenaan bilamana *ḥadīth* ber-*ta’arūḍ*.

AF. Wibisono³³ di dalam disertasinya mengkaji tentang “*Pola Istīnbāṭh Dalam Muhammadiyah; Studi Tentang Penerapan Penalaran Ta’līiy Dalam Masalah-masalah*

³⁰ Dr. Husain bin ‘Aliy al-Ḥarbiy, *Mukhtaṣar Qawā’id al-Tarjīḥ ‘Inda al-Mufasssīrīn*, (Kingdom Of Saudi Arabia, Dār Ibn al-Jawziy, 2008), 75.

³¹ *Ibid.*, 81.

³² *Ibid.*, 85.

³³ AF. Wibisono, “*Pola Istīnbāṭh Dalam Muhammadiyah; Studi Tentang Penerapan Penalaran Ta’līiy Dalam Masalah-masalah Kontemporer*” (Disertasi Magister, Program Pascasarjana IAIN Ar-Raniry, Darussalam, Banda Aceh, 1997), 91.

Kontemporer”. Pokok pemikiran yang dikemukakan oleh Wibisono ialah mengenai penerapan *‘illah* oleh Muhammadiyah dalam menanggapi isu-isu kontemporeri. Adakalanya seperti *insurance*, *interest bank* dan lain sebagainya.

Dalam disertasi Wibisono, ada beberapa hal yang pengkaji boleh dapatkan dalam permasalahan hukum yang dibincangkan oleh Muhammadiyah mengenai isu-isu kontemporeri seperti *insurance*, *interest bank*. Isu-isu berkenaan juga menjadi masalah yang akan pengkaji jelaskan dalam bab analisis. Hal yang berbeza dengan kajian ini ialah; pengkaji akan lebih fokus kepada penyelesaian hukum mengikut kaedah *tarjih* yang sediaada.

Dalail Ahmad³⁴ mengkaji pula hal-hal yang menjadi orientasi majlis *tarjih* Muhammadiyah khasnya dalam masalah *istinbāt* hukum. Dalam disertasinya yang bertajuk “*Orientasi Majlis Tarjih Muhammadiyah Dalam Meng-istinbāt-kan Hukum*”, Dalail Ahmad menyebutkan beberapa kaedah yang pernah digunapakai oleh Muhammadiyah dalam menyelesaikan masalah hukum. Kadangkala Muhammadiyah menggunakan konsep *qiyās*, *maṣāliḥ mursalah* dan lainnya yang dipadukan dengan pemikiran modern.

Konsep inilah yang menjadi tinjauan pengkaji, disebabkan terkadang Muhammadiyah sangat mendahulukan konsep pemikiran modern sehingga meninggalkan kaedah yang sediaada. Sedangkan menurut pandangan pengkaji boleh saja menggunakan konsep pemikiran modern akan tetapi ianya tidak terkeluar dari kaedah asal.

³⁴ Dalail Ahmad, “*Orientasi Majlis Tarjih Muhammadiyah Dalam Meng-istinbāt-kan Hukum*” (Disertasi IAIN Ar-Raniry, Darussalam, Banda Aceh, 1994), 118.

Iqbal Muhammad³⁵ dalam kajian yang bertajuk “*Corak Pemikiran Hukum Islam Ahmad Azhar Basyir*”, menyebutkan bahawa Azhar Basyir juga memiliki cara-cara khas dalam konsep pemikiran yang berbeza dengan padangan Muhammadiyah. Iqbal membahas tentang Azhar Basyir secara khas disebabkan ianya salah seorang bekas pengetua Muhammadiyah. Dan pada masa kepemimpinannya, beliau banyak menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengan hukum. Pengkaji mencuba untuk mengkaji ulang disebabkan yang nampak dari literature ini, bahawa kaedah *tarjih* tidak tersentuh dalam menyelesaikan masalah hukum.

Dan Muzlifah³⁶ juga telah mengkaji tentang Muhammadiyah, iaitu kajian yang membahas tentang “*Perserikatan Muhammadiyah: Sumbangannya Di Banda Aceh Indonesia*”. Dalam kajian ini Muzlifah menyatakan; Perserikatan Muhammadiyah di Banda Aceh telah mengadakan pelbagai aktiviti untuk menyedarkan masyarakat dalam bidang pembaharuan pemikiran keagamaan, pendidikan, kesihatan dan program-program kerja yang melibatkan kebajikan masyarakat.

Kajian Muzlifah ini perlu dikaji kembali kerana ia hanya menyatakan sumbangan Muhammadiyah dalam memberi pahaman agama kepada masyarakat. Dan disertasi ini pula tidak mengkaji lebih lanjut tentang perbahasan masalah hukum yang timbul di kalangan Muhammadiyah.

Prof. Drs. H. Asjmuni Abdurrahman³⁷ mengkaji tentang Muhammadiyah dalam bukunya “*Manhaj Tarjih Muhammadiyah: Metodologi Dan Aplikasi*”. Dan Asjmuni menyatakan dalam ber-*tarjih* Muhammadiyah memiliki pokok-pokok *manhaj tarjih*,

³⁵ Iqbal Muhammad, “Corak Pemikiran Hukum Islam Ahmad Azhar Basyir” (Disertasi IAIN Ar-Raniry, Darussalam, Banda Aceh, 2004), 133.

³⁶ Muzlifah, “Perserikatan Muhammadiyah”, 127.

³⁷ Prof. Drs. H. Asjmuni Abdurrahman, *Manhaj Tarjih Muhammadiyah: Metodologi Dan Aplikasi* (Yogyakarta, Pustaka pelajar Offset, 2010), 12.

seumpama terhadap dalil yang nampak ada *ta'arud*, digunapakaikan cara *al-jam'u wa al-taufiq*. Dan kalau tidak dapat baru dilakukan *tarjih*. Antara contohnya ialah dengan cara men-*taqyid* yang *muṭlaq* (menghadkan pengertian yang luas).

Perbezaan yang menyebabkan pengkaji melakukan kajian lanjutan ialah kajian Asjmuni tentang *Manhāj Tarjih* Muhammadiyah bersifat am. Manakala pengkaji dalam kajian ini akan lebih mengfokuskan pada pengambilan *ḥadīth-ḥadīth ahkām*.

DR. H. Fathurrahman Djamil, MA.³⁸ telah membuat kajian tentang “*Metode Ijtihād Majlis Tarjih Muhammadiyah*”. Lebih lanjut beliau menyatakan bahawa Muhammadiyah dalam berijtihad menempuh tiga cara, iaitu: *Al-Ijtihād al-Bayāniy*, *Al-Ijtihād al-Qiyāsiy* dan *Al-Ijtihād al-Iṣṭislāhiy*.

Fathurrahman mengkaji tentang Metode *Ijtihād Majlis Tarjih* Muhammadiyah. Dan lebih kepada konsep *maqāṣid al-sharī'ah*. Manakala kajian yang akan pengkaji fokuskan di sini ialah *tarjih* terhadap *ḥadīth-ḥadīth ahkām*.

Pimpinan Pusat Muhammadiyah juga telah men-*tanfīd*-kan pelbagai permasalahan yang diputuskan oleh *Majlis Tarjih* di dalam *Himpunan Putusan Tarjih (HPT)*, Muhammadiyah mengharapkan umat sudah dapat memahami secara lebih detail tentang amalan agama dan dalil yang menjadi landasan pegangan mereka. Pembahasan mereka mencakupi; Kitab *Imān*, Kitab *Ṭahārah*, Kitab *Ṣalāh*, Kitab *Zakāt*, Kitab *Ṣiyām*, Kitab *Ḥajji*, Kitab *Janāzah*, Kitab *Waqaf*, Kitab beberapa masalah kontemporeri.³⁹

Dalam hal ini pengkaji menjadikan buku ini merupakan data primer, kerana ianya mengandungi pelbagai keputusan hukum yang telah di-*tanfīd*-kan oleh Muhammadiyah.

³⁸ DR. H. Fathurrahman Djamil, MA, *Metode Ijtihad Majlis Tarjih Muhammadiyah* (Jakarta, Logos Publishing House, 1995), 78.

³⁹ Pimpinan Pusat Muhammadiyah, *Himpunan Putusan Tarjih Muhammadiyah* (Yogyakarta, Suara Muhammadiyah, 2011), 7.

Dan beberapa dapatan kajian yang akan pengkaji sebut, boleh dirujuk kepada putusan *tarjih* berkenaan. Kajian terhadap literature ini penting disebabkan pada HPT tersebut Muhammadiyah hanya menyebutkan permasalahan hukum dan dalil. Dengan tidak menyebut kaedah mereka dalam meng-*istinbāt* hukum secara detail, lebih lagi tentang kaedah *tarjih*.

Tim Majlis *Tarjih* dan *Tajdid* Pimpinan Pusat Muhammadiyah juga telah mengeluarkan *Fatwa-fatwa Tarjih: Tanya Jawab Agama*, jilid ke 1-6. Penjelasan tentang fatwa-fatwa *tarjih* ini diasuh langsung oleh Majlis *Tarjih* untuk memberikan kefahaman bagi umat mengenai permasalahan harian yang mereka temui. Penjelasan di dalam buku tanya jawab ini juga menggunakan metode penulisan; soalan dari penanya, dan diikuti oleh jawapan dari majlis *tarjih*, dengan menyebutkan dalil-dalil yang mereka anggap lebih kuat. Fatwa ini meliputi beberapa masalah, iaitu: salat, puasa, zakat, haji, kurban, muamalat, keluarga/perkahwinan, kesihatan, harta pusaka dan lainnya.⁴⁰

Kajian literature dalam buku ini juga perlu dilakukan ialah kerana Majlis *Tarjih* dalam menjawab soalan dari penanya, lebih condong kepada pemahaman dalil secara tekstual. Walaupun mereka memahaminya secara kontekstual, nampaknya lebih mendahulukan kaedah *maslahat* dan konsep *modern*. Manakala kaedah *tarjih* dalam hal ini sangat jarang didapati. Seumpama men-*tarjih* *hadith* dengan *hadith* jika ianya bercanggah maksud.

Agus Purwito⁴¹ telah membuat kajian tentang Muhammadiyah dari sudut pandang yang berbeza sepertimana dalam buku "*Muhamadiyah Dalam Kritik Dan komentar*"

⁴⁰ Tim Majelis *Tarjih* dan *Tajdid* Pimpinan Pusat Muhammadiyah, *Fatwa-fatwa Tarjih: Tanya Jawab Agama* (Yogyakarta, Indonesia, Surya Sarana Grafika, 2011).

⁴¹ Agus Purwito, "Majlis *Tarjih* Dalam sorotan," dalam *Muhamadiyah Dalam Kritik Dan Komentar*, ed. Drs. M. Rusli Karim (t.tp., Radar Jaya Offset, 1986). 75.

menyebutkan *Majlis Tarjih* merupakan bahagian yang penting dalam Muhammadiyah. Fungsi *Majlis* ini adalah mengeluarkan fatwa atau memastikan hukum tentang masalah-masalah yang dipertikaikan masyarakat Muslim. Walaupun dalam hal ini terpengaruh oleh Muhammad Abduh dan Rasyid Ridha dengan sistem *fiqh muqāran*-nya, serta slogan “*pintu ijtihad tetap terbuka sepanjang masa*”.⁴²

Dalam hal ini Agus Purwito hanya memberikan saranan-saranan yang baik bagi Muhammadiyah. Kerana ia melihat bahawa dengan wujudnya *Majlis Tarjih* di Muhammadiyah maka ijtihad akan menjadi suatu tugas utama yang mesti dijalankan dalam menyelesaikan permasalahan *fiqh* yang timbul di kalangan masyarakat. Hal ini berbeza dengan yang akan pengkaji tulis dalam kajian ini, kerana kajian ini tidak memfokuskan kepada saranan ke atas *Majlis Tarjih*, melainkan lebih mengambil berat pada aplikasi kaedah *tarjih*, sejauhmana kaedah tersebut digunapakaikan oleh *Majlis Tarjih* dalam memutuskan fatwa.

Ahmad Farhan⁴³ dalam buku “*Refleksi Satu Abad Muhammadiyah*” (*Metode Ijtihad Majlis Tarjih Muhammadiyah-Sebuah Analisis Deskriptif*) menyebutkan: *Majlis Tarjih* adalah lembaga di bawah naungan Muhammadiyah yang bergerak dalam bidang masalah keagamaan khususnya dalam bidang yuridisprudensi (*Fiqh*).

Ahmad Farhan dalam kajian ini hanya menyatakan perbezaan pandangan ulama dalam penerimaan sesebuah *hadith*. Samaada yang menerimanya hanya memandangkan kepada *shahih sanad* atau pula yang mengambil kira *shahih sanad* juga sesuai dengan isi *al-Qur'an*. Manakala kajian ini akan lebih fokus kepada sudut pen-*tarjih*-an, walaupun didalamnya didapati hal-hal yang sama dengan konsep yang disebut oleh Ahmad Farhan.

⁴² *Ibid.*, 76.

⁴³ Ahmad Farhan, “Metode Ijtihad Majlis Tarjih Muhammadiyah-Sebuah Analisis Deskriptif”, *Refleksi Satu Abad Muhammadiyah*, ed. Syaifullah, (Yogyakarta, Pustaka Pelajar Offset, 2010), 138.

Mu'ammal Hamidy, Lc⁴⁴ menyebutkan: Muhammadiyah yang menamakan dirinya (sekarang) sebagai gerakan *tajdīd* sebagai konsekuensi “kembali kepada *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*”, para ulamanya diharapkan untuk memilih yang paling *arjah* (paling kuat), dari beberapa pendapat yang berbeza, samaada daripada dalil-dalilnya mahupun *manhāj* yang digunapakaikannya.

Dalam hal ini Mu'ammal Hamidy, Lc memberikan penjelasan lebih detail tentang cara-cara beramal dengan *ḥadīth*. Samaada ia *mutawātir* atau *aḥad*. Tetapi tidak menyebutkan secara khas bila mana didapati adanya *ta'āruḍ* di antara *ḥadīth-ḥadīth* berkenaan. Maka oleh itu kajian lanjutan perlu dilakukan dalam hal yang berkaitan dengan *tarjih ḥadīth* ketika ber-*ta'āruḍ* dengan *ḥadīth* lain.

Melihat kepada beberapa kajian literatur di atas, meskipun perbincangan mengenai *manhāj tarjih* telah banyak dijumpai dalam pelbagai aspek perbahasan, namun pengkaji berpandangan bahawa perkara ini masih relevan untuk dikaji lagi. Hal ini disebabkan pengkaji akan memfokuskan kajian ini pada aplikasi *manhāj tarjih* Muhammadiyah dalam men-*tarjih*-kan *ḥadīth-ḥadīth* yang berhubungkait dengan masalah-masalah hukum. Dan bila didapati *ta'āruḍ* antara satu *ḥadīth* dengan *ḥadīth* lain, mana yang lebih berhak untuk di-*tarjih*-kan. Kerana Muhammadiyah telah banyak mengeluarkan fatwa-fatwa dalam masalah hukum, akan tetapi fatwa berkenaan secara tidak langsung masih dipertikaikan oleh ulama-ulama Indonesia ataupun ulama-ulama Timur tengah.

Di samping itu pula, mengenalpasti mengenai *manhāj* yang digunapakaikan oleh Muhammadiyah serta *taṭbīq*-nya yang mereka aplikasikan menjadi suatu pertanyaan besar. Untuk itu kajian ini akan memebrikan jawapan secara lebih detail dan akan dihubungkan

⁴⁴ Mu'ammal Hamidy, Lc “*Manhāj Tarjih* dan Perkembangan Pemikiran Keislaman dalam Muhammadiyah,” dalam *Perkembangan Pemikiran keislaman Muhammadiyah: Purufikasi & Dinamisasi*, (Yogyakarta, Pustaka Pelajar offset, 2000), 20.

dengan beberapa contoh fatwa Muhammadiyah yang dianggap sesuai. Oleh sebab inilah maka pengkaji merasa perlu untuk membuat kajian ini secara lebih spesifik.

Metodologi Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menggabungkan dua kaedah, iaitu kaedah pengumpulan data dan kaedah menganalisis data. Dengan perincian seperti berikut:

a. Kaedah pengumpulan data

Dalam hal pengumpulan data-data, kaedah pengumpulan data terbahagi kepada dua bahagian, iaitu data primer dan data sekunder:

1. Data primer

Kajian ini akan melakukan survey lapangan secara langsung sesuai dengan tajuk dan daerah yang akan dikaji untuk mendapatkan maklumat serta data-data yang tepat dan jelas tentang masalah kajian iaitu Aplikasi *Manhāj Tarjih Ḥadīth Ahkām* Oleh Muhammadiyah Indonesia. Survey ini menurut pengkaji perlu dilakukan, supaya mendapatkan data-data yang sebenar dan yang lebih detail, dan dalam penyelidikan ini menggunakan dua metode:

i. Metode Kajian Perpustakaan

Metode kajian perpustakaan ini akan lebih fokus kepada penggunaan bahan-bahan kajian yang boleh didapati di perpustakaan. Metode ini dijalankan ialah untuk melihat kajian-kajian lepas yang memiliki hubungkait dengan tajuk kajian ini. Kajian lepas tersebut sangat

membantu dalam membahas kajian ini dikeranakan padanya didapati maklumat-maklumat baru dalam pelbagai sudut pandang, samaada dari sudut kelebihan atau kekurangan yang belum tersentuh oleh pengkaji terbabit.

ii. Metode Dokumentasi

Metode ini lebih konsentrasi pada data-data yang terdapat di tempat kajian, samaada data yang diterbitkan sepertimana: *Himpunan Putusan Tarjih Muhammadiyah*, *Fatwa-fatwa Tarjih: Tanya Jawab Agama*, *Manhāj Tarjih Muhammadiyah: Metodologi dan Aplikasi*, *Metode Ijtihād Majlis Tarjih Muhammadiyah*, ataupun data-data yang tidak diterbitkan dan tidak pula dipublish, contohnya ialah: Berita Resmi Muhammadiyah, Surat Keputusan Penentuan 1 Ramaḍān, 1 Shawwāl, 10 Dhulḥijjah dan lainnya. Semua data berkenaan merupakan data primer yang menjadi rujukan utama pengkaji.

iii. Metode Temubual

Temubual yang dilakukan dalam kajian ini ialah dengan cara menemubual ahli-ahli Muhammadiyah dan juga ahli Majlis Tarjih Muhammadiyah yang turut ikut langsung dalam kegiatan men-*tarjih* serta mengeluarkan fatwa-fatwa yang berhubungkait dengan masalah hukum. Responden ini dilibatkan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan lebih detail dalam masalah fatwa-fatwa Muhammadiyah dan Aplikasi *Manhāj Tarjih Ḥadīth Ahkām* Oleh Muhammadiyah Indonesia. Dengan tujuan untuk mengenalpasti masalah yang berhubungkait dengan pen-*tarjih*-an *ḥadīth ahkām*, dan cadangan untuk menyelesaikan masalah berkenaan.

2. Data sekunder

Data sekunder didapatkan dengan menggunakan kaedah penyelidikan kepustakaan. Kaedah ini digunapakaikan untuk mengumpulkan rujukan-rujukan dalam pelbagai bentuk dokumentasi yang membahas masalah kajian. Melalui kaedah ini sumber-sumber primer dan sekunder akan dikaji. Samaada ianya berbentuk buku-buku, kertas kerja ilmiah, artikel, akhbar, jurnal, risalah-risalah ilmiah, laman sesawang rasmi Muhammadiyah dan bacaan-bacaan lainnya yang memiliki hubungkait dengan masalah yang sedang dikaji. Atau rujukan yang bersumber dari *turāth al-islām* (kitab-kitab lama) yang menjadi referensi bagi mujtahid, imam mazhab, ulama usul fiqh, dan ulama *ḥadīth* juga akan dikaji.

Setelah pengumpulan semua data dan maklumat dilakukan, penulis akan mengkaji ulang semua data dimaksud dan menganalisisnya bagi mencapai ketepatan isi dan kesesuaian pembahasan dengan kepentingan kajian.

b. Kaedah menganalisis data

Maklumat dan data-data yang didapati melalui kajian pustaka dan temubual merupakan informasi yang sangat penting bagi membangkitkan isi penulisan dalam kajian ini dan menjadikan kajian ini sebuah tulisan yang mempunyai kredibiliti. Selanjutnya keseluruhan daripada data-data ini akan disampaikan dalam bentuk transkripsi penulisan yang layakanya sebuah kajian. Keseluruhan daripada data-data yang telah didapati akan digunapakaikan melalui metode-metode berikut:

1. Metode Induktif

Metode ini digunapakaikan bagi mengumpulkan maklumat yang berkelanjutan dan diikuti dengan bukti-bukti khas yang diperolehi daripada sumber data yang khusus untuk membuat suatu dapatan kajian yang umum. Metode ini pula akan digunapakaikan untuk menganalisis fatwa-fatwa daripada Majlis Tarjih Muhammadiyah, samaada ianya bersesuaian dengan *usul fiqh*, ‘*Ulūmul ḥadīth* dan metodologi ulama-ulama silam secara umum dalam men-*tarjih*-kan sesuatu *ḥadīth* atau tidak. Dan juga mengenalpasti sejauh manakah Majlis Tarjih Muhammdiyah telah mengaplikasikan kaedah-kaedah *tarjih* yang telah ditetapkan oleh ulama-ulama silam.

2. Metode Deduktif

Metode ini ialah suatu dapatan pada kes-kes yang berlaku dalam masalah-masalah hukum yang bersumber kepada *ḥadīth* Rasul SAW. metode ini akan merujuk kepada *Ilmu usul fiqh*, *Ilmu ḥadīth*, secara umum agar ianya boleh membawa kepada kenyataan yang khusus atau *manhāj* yang jelas bagi men-*tarjih*-kan sesuatu hukum agar ianya bersesuaian dengan kehendak *sharī’ah*. Proses men-*tarjih*-kan sesuatu hukum yang bersumber daripada *ḥadīth* hendaklah dilihat secara komprehensif. Jika ianya terdapat dua *ḥadīth* yang kedua-duanya membicarakan hal yang sama sedangkan maksud daripada *ḥadīth* berkenaan bercanggah, maka mestilah ditinjau dari sudut *sanad*, *matan* dan lain-lain faktor. Manakah antara kedua-dua *ḥadīth* berkenaan yang sepatutnya didahulukan untuk dijadikan *hujjah* dan dalil bagi sesuatu amalan. Dan demikian seterusnya dalam hal-hal lain yang berhubungkait dengan *tarjih*. Mengikut metode tersebut pengkaji dalam hal ini akan memfokuskan kajian hanya kepada kaedah *tarjih* terhadap *ḥadīth-ḥadīth ahkām* sahaja. Kajian ini

tidak akan melihat kepada lain-lain faktor sepertimana konsep *maṣlahah*, *istiḥsān* dan kaedah-kaedah lain yang lebih luas.

3. Metode Perbandingan

Metode perbandingan atau komparatif ialah metode yang digunakan oleh pengkaji dengan cara membuat perbandingan terhadap data-data yang diperoleh samaada dari kajian kepustakaan atau data-data lapangan bagi menghasilkan suatu kesimpulan. Dengan metode ini pula pengkaji akan membuat perbandingan antara *manhāj tarjih* ulama mazhab dan juga *manhāj* Majlis Tarjih Muhammadiyah. Aplikasi daripada *manhāj* inilah yang akan menjadi suatu cara untuk menilai terhadap fatwa-fatwa Muhammadiyah.

Berasaskan kepada konsep inilah maka fatwa-fatwa hukum yang pernah dikeluarkan oleh Majlis Tarjih Muhammadiyah perlu dikaji. Apakah ianya bersesuaian dengan metodologi yang sedia ada atau Muhammadiyah meyakini teori metodologi ulama silam tetapi belum mengaplikasikan sepenuhnya dalam pen-*tarjih*-an hukum.